



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERUBAHAN STATUS DAN LOKASI PREMIS PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN & PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN (TOBTAB)

1. PENDAHULUAN:

- 1.1 Permohonan perubahan maklumat syarikat yang menjalankan Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB) hendaklah mendapat kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa perubahan seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 6(1)(b) dan 6(1)(c), Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 [*P.U(A)333/1992*].
- 1.2 Perubahan maklumat syarikat adalah merujuk kepada perubahan yang melibatkan:
 - (a) Perubahan lokasi premis; atau/dan
 - (b) Modal Berbayar/ Peratusan milikan saham; atau/dan
 - (c) Perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham; atau/dan
 - (d) Nama Syarikat.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- 2.1 Syarikat tidak berada dalam tempoh penggantungan lesen di bawah Seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*], tiada pendakwaan sedang berjalan terhadap syarikat, tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta 482 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [*Akta 594*] (bagi negeri Sabah, Sarawak dan WP Labuan), tiada tunggakan pembayaran “*award*” Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dan tiada perintah mahkamah yang masih belum dipatuhi syarikat berhubung kes sivil yang berkaitan dengan transaksi pelancongan.

2.2 Syarikat tidak mempunyai apa-apa permohonan lain dalam proses pertimbangan Pesuruhjaya Pelancongan (contoh: pembaharuan lesen dan lain-lain). Permohonan syarikat ditangguhkan sehingga urusan berkaitan disempurnakan.

2.3 Syarikat perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

BIL.	PERKARA/ JENIS PERUBAHAN	SYARAT PERMOHONAN
(a)	Perubahan lokasi premis	i. Lokasi/ kawasan komersial yang dilesenkan/ dibenarkan oleh PBT; dan ii. Mempunyai salinan perjanjian sewaan atau salinan perjanjian jual beli premis/ surat kebenaran menduduki premis/ Dokumen Hak Milik/ Surat Akuan yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah (jika berkaitan).
(b)	Modal berbayar / Peratusan milikan saham	i. Mematuhi syarat modal berbayar dan had ekuiti yang ditetapkan seperti di Lampiran A bagi perubahan status melibatkan modal berbayar, pemegang saham atau pindah lokasi premis perniagaan; dan ii. Bagi syarikat yang membuat perubahan lokasi luar bandar ke bandar hendaklah mematuhi had ekuiti yang ditetapkan seperti di Lampiran A.
(c)	Perubahan Ahli Lembaga Pengarah / Pemegang saham	i. Pemegang saham tidak mempunyai pegangan saham di dalam mana-mana syarikat agensi pelancongan berlesen yang lain di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]; dan

BIL.	PERKARA/ JENIS PERUBAHAN	SYARAT PERMOHONAN
		ii. Bagi Ahli Lembaga Pengarah warganegara asing mestilah mempunyai Pas Penggajian yang dikeluarkan untuk syarikat dan masih sah.
(d)	Nama syarikat	Nama syarikat hendaklah melambangkan syarikat menjalankan perniagaan pengendalian pelancongan atau perniagaan agensi pengembaraan bagi perubahan status melibatkan nama syarikat.

2.4 Syarikat yang berlesen kurang dari 2 tahun tidak dibenarkan membuat pertukaran Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham kecuali atas sebab-sebab berikut:

- (a) Kematian;
- (b) Kebankrapan;
- (c) Migrasi keluar negara;
- (d) Penyakit kronik berserta surat pengesahan pegawai perubatan bertauliah; dan
- (e) Perkara-perkara lain yang munasabah pada pandangan Pesuruhjaya Pelancongan.

2.5 Premis mestilah berada di **lokasi / kawasan komersial yang dilesenkan / dibenarkan oleh PBT.**

3. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:

3.1 Perubahan status modal berbayar

- (a) Permohonan perubahan modal berbayar berserta justifikasi dan perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan;
- (b) E-info SSM yang terkini; dan
- (c) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di **Lampiran B.**

3.2 Perubahan status pemegang saham

- (a) Permohonan perubahan pemegang saham berserta justifikasi dan perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan;
- (b) Jika melibatkan penyertaan penama baru, kemukakan dokumen seperti yang berikut:
 - i. Sekiranya penama baru itu individu, kemukakan salinan Kad Pengenalan (MyKad) berwarna (Warganegara).
 - ii. Sekiranya penama baru itu syarikat tempatan, kemukakan e-Info SSM cetakan terkini.
 - iii. Jika penama baru itu adalah merupakan Pengusaha Agensi Pelancongan Luar Negara (syarikat asing yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam bidang pelancongan), pemohon perlu kemukakan Perakuan Pendaftaran Syarikat dan lesen berkenaan hendaklah disahkan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) atau Kedutaan Malaysia atau Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di negara berkenaan.
- (c) E-info SSM yang terkini; dan
- (d) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di **Lampiran B**.

3.3 Perubahan status Ahli Lembaga Pengarah

- (a) Permohonan Perubahan Ahli Lembaga Pengarah berserta justifikasi dan perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan;
- (b) Jika melibatkan penyertaan penama baru, kemukakan salinan (MyKad) berwarna (Warganegara)/ Passport (Bukan Warganegara) berserta Pas Penggajian;
- (c) E-info SSM yang terkini; dan
- (d) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di **Lampiran B**.

3.4 Perubahan status nama syarikat

- (a) Permohonan Perubahan Nama Syarikat berserta justifikasi dan perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan;
- (b) E-info SSM yang terkini; dan
- (c) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di **Lampiran B**.

3.5 Perubahan lokasi premis perniagaan

- (a) Permohonan Perubahan Lokasi Perniagaan berserta justifikasi dan perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan;
- (b) Salinan perjanjian penyewaan premis (Tenancy Agreement) bagi Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan yang ditandatangani oleh Ahli Lembaga Pengarah / Pemegang Saham / Pemilik Syarikat dan telah dimatikan setem serta masih berkuatkuasa/ Surat Kebenaran Menduduki Premis/ salinan Sales & Purchase (S&P) jika premis adalah milik Syarikat/ Dokumen Hak Milik atau Surat Akuan yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah (jika berkaitan).
- (c) E-info SSM yang terkini; dan
- (d) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di **Lampiran B**.

4. PERMOHONAN SELEPAS PERUBAHAN DIBUAT:

- 4.1 Kegagalan mendapatkan kelulusan daripada Pesuruhjaya Pelancongan sebelum perubahan dibuat boleh menyebabkan tindakan undang-undang diambil terhadap syarikat.

5. TATACARA PERMOHONAN:

- 5.1 Melengkapkan maklumat permohonan dalam **Tourism Licensing & Enforcement System (TOURLIST)** melalui laman sesawang www.tourlist.gov.my.
- 5.2 Semua dokumen seperti yang dinyatakan di perenggan 2 hendaklah dimuat naik ke dalam **TOURLIST**

6. FI PEMPROSESAN:

- 6.1 Buat masa ini, fi pemprosesan adalah **dikecualikan**.

7. KEPUTUSAN PERMOHONAN: Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui TOURLIST.

8. TINDAKAN SYARIKAT SELEPAS KEPUTUSAN:

8.1 Bagi permohonan yang DILULUSKAN

Syarikat hendaklah:

- (a) Mengemukakan salinan e-info SSM yang terkini dalam tempoh 14 hari (setelah perubahan status diluluskan) dari tarikh surat keputusan dikeluarkan; dan
- (b) Menjelaskan kompaun (jika berkaitan).

8.2 Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN

(a) Syarikat yang telah membuat perubahan tanpa kelulusan hendaklah:

- i. Kembali kepada struktur asal;
- ii. Mengemukakan salinan e-info SSM yang terkini (setelah mendapat surat keputusan permohonan perubahan status) dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat keputusan dikeluarkan; dan
- iii. Menjelaskan kompaun (jika berkaitan).

9. PIAGAM PELANGGAN :

9.1 Pemprosesan permohonan di Pejabat MOTAC Negeri:

3 hari bekerja dari permohonan lengkap, teratur dan sempurna oleh syarikat untuk dikemukakan ke Ibu Pejabat Putrajaya.

9.2 Pemprosesan di MOTAC Ibu Pejabat:

3 hari bekerja dari permohonan lengkap, teratur dan sempurna untuk pertimbangan Pesuruhjaya Pelancongan.

9.3 Penyediaan surat kelulusan oleh Pejabat MOTAC Negeri:

5 hari bekerja dari tarikh kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan.

10. PERINGATAN:

- 10.1 Pesuruhjaya boleh membatalkan sesuatu lesen/ mengambil tindakan di bawah Akta 482 jika dia berpuashati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, sama ada secara lisan atau bertulis memberi kepada Pesuruhjaya maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu.

11. TARIKH KUAT KUASA:

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 JANUARI 2026**.

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT PEGANGAN SAHAM, HAD EKUITI DAN MODAL BERBAYAR SYARIKAT PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN & PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN (TOBTAB)

BIL.	JENIS PERNIAGAAN	PEMEGANG SAHAM	HAD EKUITI PEGANGAN SAHAM (MAKSIMA)	LOKASI PREMIS	MODAL BERBAYAR DITERBITKAN (MINIMA)
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 1,500,000.00
2.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	Syarikat Asing (ASEAN)	70% - Singapura / Kemboja sahaja 51% - Selain Singapura / Kemboja	Bandar / Luar Bandar	RM 1,000,000.00
3.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	Syarikat Asing (Bukan ASEAN)	30%	Bandar / Luar Bandar	RM 500,000.00
4.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	Tidak Dibenarkan	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan
5.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000.00
				Luar Bandar	RM 50,000.00
6.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00
7.	Perniagaan Agensi Pengembaraan	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000.00
				Luar Bandar	RM 100,000.00
8.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam & Luar Negeri	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00
9.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000.00
				Luar Bandar	RM 150,000.00
10.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00
11.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam & Luar Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembaraan	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00

Nota:(1) Kategori **Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Bandaraya** dan **Majlis Perbandaran**.

(2) Kategori **Luar Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Daerah**

(3) Modal Berbayar ditetapkan kepada RM50,000 bagi Wilayah Persekutuan Labuan, Pulau Langkawi, Negeri Perlis dan pulau-pulau di peranginan di Pahang bagi lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan dalam Negeri sahaja dan syarikat tidak dibenarkan membuka cawangan di mana-mana tempat lain.

SURAT AKU JANJI OLEH PENGARAH SYARIKAT

Saya
No. Kad Pengenalan Jawatan
bagi pihak syarikat
dengan sesungguhnya mengaku dan berjanji bahawa syarikat ini:-

- (a) adalah berstatus *existing* di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (b) tidak berada dalam proses perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham/ Nama Syarikat/ Lokasi/ Modal Bayar TANPA kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan;
- (c) tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- (d) tidak berada dalam tempoh penggantungan atau syarikat yang disenarai hitam oleh MOTAC semasa permohonan dibuat;
- (e) tiada sebarang tunggakan "*award*" di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berhubung pelancongan;
- (f) Tidak berada dalam siasatan atau pendakwaan oleh Polis DiRaja Malaysia berhubung kes-kes pelancongan;
- (g) akan memastikan bahawa semua akaun milik syarikat hanya akan diuruskan oleh Ahli Lembaga/ Pemegang Saham/ Pengurus syarikat yang dilantik sahaja; dan
- (h) akan mematuhi keperluan dan kehendak yang ditetapkan mana-mana pihak berkuasa Kerajaan Arab Saudi (jika berkaitan).

Sesungguhnya bahawa sekiranya pengisytiharan ini didapati palsu, tidak betul, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir, pihak Kementerian berhak untuk mengambil tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau apa-apa tindakan perundangan yang berkaitan.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :

Saksi
Ditandatangani oleh Setiausaha Syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :